

Ambil Iktibar Negara Tak Laksana Pemerintahan Secara Demokratik - Tun Mahathir Bernama
4 Disember, 2012

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia perlu mengambil pengajaran daripada negara yang tidak dapat melaksanakan pemerintahan secara demokratik kerana rakyat taksub kepada pemimpin.

Keadaan itu, katanya, berlaku kerana rakyat mengundi semata-mata berdasarkan perasaan tanpa menggunakan pemikiran sehingga negara menuju kehancuran.

"Sebagaimana penyokong parti PAS, walaupun pemimpin mereka jelas menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan agama, tetapi kerana PAS parti dia, dia sokong kerana emosi dan taksub," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Seminar Ketahanan Nasional kali ketiga yang dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia di Ayer Keroh di sini Selasa.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang di negara ini tidak mempunyai haluan dalam gabungan mereka berbanding Barisan Nasional yang bersepakat dan mempunyai organisasi serta matlamat dalam membentuk kerajaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713858>